

KAWALAN EKSPORT



K a w a l a n E k s p o r t

Uji Diri Anda

PENGENALAN

Antara tanggungjawab kita yang paling penting ialah berpandu kepada Nilai-Nilai dan Piawai Tatalaku Perniagaan Northrop Grumman. Kita telah menetapkan piawai etika yang tinggi. Berpegang kepada piawai tersebut dan mematuhi segala undang-undang dan peraturan Amerika Syarikat dan asing bukan sahaja merupakan keperluan undang-undang tetapi juga ialah tanggungjawab etika kita di Northrop Grumman.

Apabila menghadapi urusan eksport terdapat undang-undang dan peraturan khusus yang harus dipatuhi. Undang-undang dan peraturan ini ditadbirkan oleh Jabatan Negara (State Department) bagi barang dan perkhidmatan pertahanan dan oleh Jabatan Perniagaan (Department of Commerce) bagi benda untuk dua kegunaan (seperti, tentera atau awam). Peraturan eksport pelbagai jabatan tersebut dikuatkuasakan oleh Badan Perlindungan Kastam dan Sempadan Amerika Syarikat (U.S. Customs and Border Protection Agency). Peraturan-peraturan ini ditempatkan untuk melindungi keselamatan nasional dan objektif dasar luar (Jabatan Negara) dan kepentingan ekonomi (Jabatan Perniagaan) Amerika Syarikat.

Eksport merupakan benda atau pengetahuan yang diberikan kepada rakyat asing baik di dalam Amerika Syarikat atau di luar negeri serta maklumat yang dihantar kepada rakyat Amerika Syarikat yang berada di negara lain.

Benda atau pengetahuan yang boleh dieksport termasuk, sebagai contoh:

- produk
- komoditi
- perkakasan
- perisian
- subpemasangan
- komponen berasingan
- peralatan ujian dan pembaikan
- kod atur cara boleh laku
- data dan/atau pengetahuan teknikal
- cetak biru
- lukisan
- arahan pengendalian
- perkhidmatan teknikal
- cadangan
- model dan prototaip
- fotograf dan data prestasi
- ail data komputer

Orang asing ialah:

- orang yang bukan orang Amerika Syarikat (bukan rakyat Amerika Syarikat atau penduduk tetap asing)
- korporasi, persatuan perniagaan, rakan kongsi, amanah, persatuan atau sebarang entiti atau kumpulan asing yang tidak diperbadan atau ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dalam Amerika Syarikat
- Organisasi Antarabangsa
- Kerajaan asing dan sebarang agensi atau bahagiannya (misalnya, perwakilan diplomatik)

Subsidiari korporasi Amerika Syarikat yang terletak di luar Amerika Syarikat mungkin perlu diberi kajian tertentu kerana, ada kalanya, mereka boleh dianggap sebagai rakyat asing dan/atau pengambil bekerja rakyat asing.

BILA DAN BAGAIMANA EKSPORT BERLAKU?

- Menghantar atau mengambil barang-barang pertahanan atau dua kegunaan yang terkawal daripada luar Amerika Syarikat atau memberikannya kepada rakyat asing di dalam Amerika Syarikat
- Mendedah (termasuk secara lisan atau secara tampak) atau memindahkan data teknikal kepada rakyat asing di dalam Amerika Syarikat atau di luar negeri
- Melakukan perkhidmatan pertahanan bagi pihak atau untuk faedah rakyat asing di dalam Amerika Syarikat atau di luar negeri
- Mengiring lawatan rakyat asing di kemudahan syarikat
- Menerbitkan data teknikal, penyampaian dan/atau kertas teknikal di simposium, persidangan atau mesyuarat, perbincangan teknikal dan bahkan perbualan biasa
- Memindah maklumat melalui sistem perhubungan antarabangsa seperti Internet, faksimili, persidangan video, NetMeeting (mesyuarat di Internet) dan perbualan telefon

Di bawah larangan kerajaan Amerika Syarikat pihak yang anda mahu berhubung atau negara berkenaan yang terlibat mungkin tidak layak untuk mendapat lesen eksport. Jika anda mempunyai soalan tentang ini atau tentang aspek lain, sila berbincang dengan penasihat undang-undang bahagian anda, atau pusat tumpuan pematuhan eksport. Anda juga boleh menghubungi Pengarah Pengurusan Eksport/Import Korporat NGC, atau memanggil OpenLine Bahagian, atau OpenLine Korporat.

UNSUR-UNSUR LESEN EKSPORT

Eksport memerlukan kebenaran kerajaan dalam bentuk lesen atau kelulusan bertulis. Lesen tersebut hendaklah khusus dan mengenal pasti benda, perkhidmatan atau data yang mahu dieksport, dan dikeluarkan untuk tempoh yang tetap. Lesen atau kelulusan eksport mungkin diperlukan:

- Untuk memberi data teknikal kepada pelanggan atau pembekal asing
- Untuk mengembalikan bahagian kepada pembekal asing untuk pembaikan
- Untuk mengembalikan kepada pelanggan asing selepas bahagian diterima, dibaiki atau diganti
- Untuk membincang data teknikal dengan pelanggan atau pembekal asing
- Untuk membincang tentang reka bentuk dengan pelanggan atau pembekal asing
- Untuk menghantar perkakasan kepada pelanggan asing
- Untuk memberi data cadangan kepada pelanggan asing potensi
- Untuk mengimport secara sementara barang pertahanan
- Untuk mengeksport secara sementara barang pertahanan
- Untuk melaksanakan sebarang perkhidmatan pertahanan untuk pelanggan atau pembekal asing.

Ada eksport yang mungkin telah termasuk bawah lesen yang ada dan eksport lain mungkin memerlukan lesen berasingan. Besar kemungkinan anda akan perlukan lesen eksport yang melindungi sesuatu produk sebelum anda mengerjakan sesuatu kontrak. Pendek kata, sebelum anda mula mana-mana aktiviti yang tersenarai di atas dengan pihak asing, pastikan anda mempunyai lesen yang diperlukan.

HUKUMAN

Individu yang melanggar undang-undang persekutuan dan peraturan-peraturan tentang eksport adalah tertakluk kepada hukuman sivil dan jenayah yang termasuk denda, masa penjara, penggantungan atau penafian hak mengeksport dan dihalang berkontrak dengan kerajaan. Selain itu, pelanggaran terhadap dasar syarikat demikian boleh mengakibatkan tindakan disiplin sehingga dan termasuk diberhentikan kerja.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

Pekerja yang terlibat dalam eksport atau membuat perniagaan di seberang laut hendaklah mengetahui tentang undang-undang dan peraturan yang mentadbir aktiviti tersebut, iaitu Akta Kawalan Eksport Senjata (The Arms Export Control Act/AECA) seperti dilaksanakan oleh Peraturan Perdagangan Senjata Antarabangsa (International Traffic in Arms Regulations/ITAR), Akta Pentadbiran Eksport (Export Administration Act/EAA) seperti dilaksanakan oleh Peraturan Pentadbiran Eksport (Export Administration Regulations/EAR), Akta Amalan Rasuah Asing (The Foreign Corrupt Practices Act/FCPA), Pejabat Kawalan Aset Asing (The Office of Foreign Assets Controls/OFAC), Akta Anti-Boikot (Anti-Boycott Act), dan Akta Pemodenan Kastam (Customs Modernization Act/Mod Act).

ITAR, 22 CFR Bahagian 120-130 – Peraturan-peraturan yang ditadbirkan oleh Jabatan Negara ini menghendaki semua eksport dan import sementara barang dan perkhidmatan pertahanan dan data teknikal yang terdapat dalam Senarai Senjata Amerika Syarikat disahkan oleh lesen yang diluluskan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat, satu perjanjian yang diluluskan atau satu pengecualian ITAR.

EAR, 15 CFR Bahagian 730-774 - Peraturan-peraturan yang ditadbirkan oleh Jabatan Perdagangan ini mengawal eksport benda-benda bagi dua kegunaan atau yang dikhususkan dalam Senarai Kawalan Perdagangan (Commerce Control List/CCL).

FCPA - Akta ini melarang sebarang pembayaran, tawaran wang atau benda-benda berharga lain kepada pegawai kerajaan asing atau ahli politik atau parti politik asing bagi tujuan mempengaruhi secara tidak wajar tindakan atau keputusan pegawai tersebut dalam membantu syarikat mendapatkan atau mengekalkan perniagaan. Ia juga melarang membuat masukan palsu atau yang mengelirukan ke dalam rekod syarikat. (Lihat lampiran brosur “Uji Diri Anda” (Test Yourself) tentang FCPA.)

OFAC - Badan ini mengawal sanksi dan embargo yang disahkan oleh Amerika Syarikat yang melarang mengeksport kepada atau menjalankan perniagaan dengan negara dan/atau kerajaan tertentu.

AKTA ANTI-BOIKOT - Jabatan Perniagaan dan Jabatan Perbendaharaan (Treasury Department) mempunyai peraturan tertentu yang melarang syarikat dan pekerja mereka daripada memberi maklumat jenis tertentu kepada pelanggan asing dan menyetujui kepada peruntukan tertentu kontrak seperti menyokong embargo yang Amerika Syarikat tidak luluskan. Peraturan ini menghendaki laporan mandatori dibuat tentang permintaan boikot tertentu, meskipun yang tidak menghasilkan jualan. Adalah amat penting bagi pekerja yang menjalankan perniagaan dengan kerajaan dan syarikat asing memahami dan mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan ini.

Perhatian: Jabatan Undang-Undang mesti dihubungi setiap kali permintaan berkaitan boikot diterima.

Peraturan Kastam Amerika Syarikat, 19 CFR, Bab 1, Bahagian 1-199 - Peraturan ini ditadbirkan oleh Jabatan Perbendaharaan, Perkhidmatan Kastam Amerika Syarikat dan menyenaraikan proses import, termasuk prosedur menilai dan mengklasifikasi barang dagangan.

Peraturan ALKOHOL, TEMBAKAU, SENJATA API dan BAHAN LETUPAN (“ATF”), 27 CFR Bahagian 47, 178, dan 179 - Peraturan ini menyenaraikan proses lesen import bagi import tetap barang pertahanan yang terkandung dalam Senarai Senjata import Amerika Syarikat.

UJI DIRI ANDA

YA TIDAK

Baru-baru ini syarikat anda telah membeli syarikat subsidiari yang berlokasi dan diperbadan untuk menjalani perniagaan di Itali. Anda mahu seorang pekerja subsidiari rakyat Itali mengikuti telekomunikasi mingguan di mana data teknikal dibincang dan pertukaran balas penyelesaian atau pendekatan masalah dibuat.

1. Adakah berlaku ekport? (Ingat, anda berdua bekerja dengan syarikat yang sama.)
2. Adakah ekport berlaku sekiranya data teknikal dan perkhidmatan pertahanan diberikan kepada rakyat Amerika Syarikat yang bekerja dengan subsidiari Itali tersebut.

Anda telah dijemput memberi penyampaian di pangkalan tentera Amerika Syarikat di Jerman berkaitan dengan pembaikan radar pertahanan. Slaid penyampaian anda akan mengandungi data teknikal, tetapi anda telah diberitahu bahawa hadirin terdiri daripada orang Amerika Syarikat sahaja.

3. Jika anda tiba di pangkalan Amerika Syarikat di Jerman dengan beg bimbis anda yang mengandungi bahan penyampaian teknikal, adakah berlaku ekport?
4. Setelah anda selesai membuat penyampaian, pangkalan Amerika Syarikat di Jerman menyedari yang mereka perlu barang ganti untuk membaiki radar tersebut. Mereka suruh anda telefon rakan sekerja di Amerika Syarikat untuk menghantar bahagian tersebut ke pangkalan Amerika Syarikat di Jerman. Adakah ekport akan berlaku?

Anda telah membeli barang pertahanan daripada satu pembekal di Perancis. Anda mengimport secara tetap barang pertahanan tersebut untuk digunakan dalam satu program anda di Amerika Syarikat, tetapi semasa pemeriksaan mutu barang pertahanan itu telah rosak dan terpaksa dihantar balik ke Perancis.

5. Adakah anda memerlukan lesen ekport untuk menghantar balik barang pertahanan rosak itu ke Perancis?
6. Jika pelanggan anda yang mengarahkan barang tersebut dihantar balik ke Perancis ialah Kerajaan Amerika Syarikat, adakah anda perlukan lesen ekport?

Anda mempunyai lesen yang telah meluluskan ekport satu barang pertahanan ke Kementerian Pertahanan Mesir. Setelah menerima lesen kelulusan itu, pelanggan telah meminta anda membekalkan mereka dengan versi barang itu yang lebih tinggi.

7. Bolehkah anda mengeksporth barang pertahanan versi lebih tinggi mengguna lesen yang ada?
8. Sekiranya anda mempunyai lesen yang anda tidak akan guna untuk mengeksporth produk versi lebih tinggi itu ke Kementerian Pertahanan Emiriah Arab Bersatu, bolehkah anda guna lesen tersebut untuk mengeksporth barang pertahanan versi lebih tinggi itu ke Kementerian Pertahanan Mesir?

Anda mahu membeli produk daripada sebuah syarikat Singapura untuk menyokong satu daripada produk tentera anda. Syarikat Singapura itu mengeluarkan produk biasa yang diguna dalam produk perdagangan dan juga pertahanan. Untuk memenuhi keperluan pelanggan anda, anda perlu berikan data teknikal, satu lukisan kawalan sumber, kepada syarikat Singapura tersebut untuk menerangkan bagaimana produk biasa mereka mesti diubahsuai untuk memenuhi keperluan anda.

9. Oleh kerana produk yang akan dibeli daripada syarikat Singapura itu merupakan produk biasa sedia ada untuk pelbagai aplikasi, adakah anda telah melanggar peraturan kawalan ekport dengan memberikan data teknikal?
10. Jika modifikasi itu hanya merupakan pengubahsuaian kecil kepada produk biasa, adakah anda masih melanggar peraturan kawalan ekport?

Anda telah dijemput, sebagai pekerja Northrop Grumman, untuk membenteng kertas kerja yang mengandungi data teknikal di satu persidangan para industri. Kertas kerja tersebut akan diterbitkan dalam prosiding persidangan tersebut dan akan dipaparkan di laman sesawang persidangan.

11. Penganjur persidangan tersebut memberitahu anda bahawa tidak ada rakyat asing dalam hadirin persidangan, hanya orang Kanada. Adakah anda melanggar peraturan kawalan ekport dengan menyerahkan kertas kerja anda untuk menyokong persidangan itu?

JAWAPAN BETUL

1. Ya, ekport akan berlaku. Anda akan memberikan data teknikal dan perkhidmatan pertahanan kepada rakyat asing. Walaupun anda dan subsidiari Itali bekerja dengan syarikat yang sama, seorang rakyat Itali masih dianggap rakyat asing.
2. Ya, rakyat Amerika Syarikat yang bekerja dengan subsidiari Itali dianggap sebagai seorang asing kerana beliau mewakili subsidiari Itali.
3. Ya, data teknikal telah diekport ke negara asing, Jerman.
4. Ya, memberi barang pertahanan kepada pangkalan Amerika Syarikat di Jerman untuk diguna oleh rakyat Amerika Syarikat merupakan satu ekport dan perlukan lesen atau pengecualian ITAR.
5. Ya, ini ialah barang pertahanan dan perlukan lesen untuk diekport.
6. Ya, lesen ekport atau pengecualian ITAR masih diperlukan.
7. Tidak, lesen ekport amat khusus tentang mengandungi produk yang mahu diekport.
8. Tidak, lesen ekport amat khusus tentang menamakan pengguna akhir.
9. Ya, anda telah memberi data teknikal yang menerangkan cara mengubahsuai suatu produk untuk memenuhi keperluan tentera. Anda juga telah memberikan perkhidmatan pertahanan. Satu Persetujuan Bantuan Teknikal dikehendaki.
10. Ya.
11. Ya. Orang Kanada ialah rakyat asing. Selain itu, kertas kerja anda akan diletak di tempat awam, boleh diakses oleh sesiapa sahaja, apabila ia dipaparkan di Internet atau disebar dalam format salinan cetak.

OpenLine Korporat	800-247-4952	Sistem Elektronik	410-765-1919	Teknologi Maklumat	888-257-7258
Sistem Bersepadu	877-901-5606	Sistem Misi	800-445-4714	Berita Newport	800-423-9378
Sistem Kapal	800-644-2612	Teknologi Angkasa	888-814-4567		

Northrop Grumman • Office of Ethics and Business Conduct • 1840 Century Park East • Los Angeles • California 90067